

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 25.05.2016 (RABU)

Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah alasan Kementerian dalam menolak permohonan Sepanggar supaya kawasan DUN Inanam dipertimbang dan disenaraikan sebagai salah satu kawasan komuniti "Drumming" sepertimana kawasan yang lain termasuk kawasan Kiulu Tuaran yang bersempadan dengan kawasan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Program ‘Community Drumming’ merupakan satu program yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu penduduk di kawasan pedalaman untuk mendapatkan bekalan petrol dan diesel pada harga kawalan kerajaan dan telah dilaksanakan sejak tahun 2009. Melalui Program ini, Kerajaan memberi subsidi pengangkutan bagi kedua-dua komoditi ke kawasan pedalaman untuk memastikan bekalan sampai kepada penduduk setempat serta dapat dijual pada harga kawalan kerajaan iaitu RM1.60 seliter bagi petrol RON95 dan RM1.35 seliter bagi diesel.

Bagi memastikan objektif program ini sampai kepada golongan sasar, maka pemilihan kawasan adalah berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan yang diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan iaitu:

- (i) harga runcit barang keperluan pengguna di tempat berkenaan hendaklah melebihi 15% daripada harga kawalan Kerajaan;
- (ii) penduduk tempatan sukar mendapatkan barang keperluan disebabkan oleh keadaan muka bumi dan ketiadaan infrastruktur pengangkutan yang efisyen; dan
- (iii) kedudukan kawasan tersebut yang terletak di pedalaman dan luar bandar yang mempunyai jarak lebih daripada 15 km dari stesen minyak terdekat.

Pertimbangan bagi melaksanakan program ini perlu memenuhi kriteria tersebut. Bagi tahun 2016, Kementerian mempunyai peruntukan yang terhad dan hanya mencukupi untuk mengekalkan liputan kawasan pengedaran yang sama seperti di tahun 2015. Oleh yang demikian, permohonan kawasan-kawasan baru termasuk Inanam tidak dapat dipertimbangkan berdasarkan kekangan kewangan.

SOALAN (43)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 25 MEI 2016
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sejauhmanakah perancangan Kerajaan dalam usaha melaksanakan pembangunan Bandar hijau serta teknologi hijau dalam memastikan pembangunan yang dijalankan mencapai matlamat Negara maju menjelang 2020.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBDSM) telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan beberapa inisiatif pembangunan kejiranan dan perbandaran hijau melalui penyediaan beberapa dokumen dan program antaranya termasuklah :

(i) Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau;

Kementerian telah menerbitkan Garis Panduan Perancangan (GPP) Kejiranan Hijau pada tahun 2012. GPP ini disediakan bagi membantu Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pemaju, Badan Kerajaan dan Bukan Kerajaan semasa merancang, mereka bentuk dan mengawal pembangunan kejiranan hijau. Ianya dirangka berteraskan kepada prinsip-prinsip yang mengutamakan kemampuan alam sekitar, sosial dan ekonomi bagi mewujudkan masyarakat harmoni, sejahtera dan sihat. GPP ini menggariskan inisiatif-inisiatif yang boleh dilaksanakan ke arah mewujudkan kejiranan dan perbandaran hijau.

(ii) Dokumen Panduan Pelaksanaan 5 Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau;

KPKT melalui JPBDSM juga telah menerbitkan Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau pada tahun 2013. Dokumen panduan terperinci untuk melaksanakan 5 inisiatif kejiranan hijau ini merangkumi Laluan Pejalan Kaki, Laluan Basikal, Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH), Pengkomposan Sisa dan Kebun Kejiranan. Dokumen panduan ini bertujuan bagi membantu Kerajaan Negeri, PBT, Pemaju, Badan Kerajaan dan Bukan Kerajaan dalam melaksanakan inisiatif pembangunan kejiranan hijau.

(iii) Program Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau; dan

KPKT melalui JPBDSM turut memberi penghargaan kepada PBT bagi *best practice* pelaksanaan 5 inisiatif pembangunan kejiranan hijau sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia setiap tahun bermula pada tahun 2012 sehingga kini.

5 inisiatif kejiranan hijau yang diberi penghargaan adalah penyediaan laluan Pejalan Kaki, Penyediaan Laluan Basikal, Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH), Program Pengkomposan Sisa Organik dan Pembangunan Kebun Kejiranan. Tujuan utama program penghargaan ini dilaksanakan adalah bagi menggalakkan dan mengiktiraf usaha-usaha PBT di dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif ke arah mewujudkan kejiranan dan perbandaran hijau.

(iv) Pelan Tindakan Pembangunan Kejiranan Hijau.

Pelan Tindakan ini disediakan bagi menyokong Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Jawatankuasa Pembangunan Kejiranan Hijau yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPCT. Pelan ini mengandungi 50 tindakan untuk dilaksanakan ke arah mewujudkan perbandaran rendah karbon yang meliputi pelbagai aspek iaitu :

- (a) Aspek Perundangan, Dasar dan Garis Panduan;
- (b) Perancangan Perbandaran Hijau;
- (c) Latihan dan Promosi;
- (d) Insentif; dan
- (e) Meminimakan Sisa dan Memantapkan Aktiviti Kitar Semula.

Pelan ini perlu dilaksanakan oleh agensi-agensi pelaksana yang dikenal pasti terdiri daripada pelbagai peringkat iaitu Persekutuan, Negeri, PBT dan Pertubuhan Profesional.